

# **UPM, Felda D'Saji jalin kerjasama**

KUALA LUMPUR 19 Mac - Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi kerjasama strategik dengan Felda D'Saji Sdn. Bhd. (FDSB) akan membangunkan pusat pengurusan acara dan makmal akademik Fakulti Sains Teknologi Makanan yang dijangka siap pada Julai tahun depan.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, pembinaan bangunan berdasarkan konsep bina-urus-pindah milik (BOT) itu melibatkan peruntukan bernilai RM7 juta hingga RM8 juta.

"Sepanjang tempoh itu, FDSB juga akan terlibat membantu pelajar melalui perkongsian pembelajaran serta pendedahan kepada pengurusan acara dan restoran secara praktikal.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UPM dengan FDSB di sini hari ini.